

**Kikis Persepsi Proton Tidak Bermutu Dengan Suprima S - Tun Dr Mahathir  
Bernama  
17 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Persepsi kononnya Proton mengeluarkan kereta yang tidak bermutu diharap dapat dikikis dengan pelancaran model terbaharu Proton -- Suprima S.

Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pengeluar kereta tempatan itu menghasilkan kereta yang menepati piawaian antarabangsa dan harus dibanggakan.

"Saya harap pendapat bahawa Proton ialah pengeluar kereta murah berkualiti rendah dapat dihapuskan kerana Proton mengeluarkan kereta yang sama taraf dengan pengeluar kereta terkenal," katanya pada majlis pelancaran model terbaharu Proton, Suprima S di Pusat Konvensyen Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di sini, Sabtu.

Turut hadir pada majlis itu ialah isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Pengerusi Eksekutif Proton Tan Sri Mohd Khamil Jamil, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Tan Sri Syed Hamid Albar dan Ketua Eksekutif Matrade Datuk Dr Wong Lai Sum.

Proton Suprima S adalah kereta pertama keluaran syarikat itu yang bercirikan 'hatchback' serta dilengkapi ciri-ciri keselamatan tahap tinggi seperti enam beg udara, sistem brek anti-kunci (ABS) serta kawalan kestabilan elektronik.

Ia mula dijual hari ini di semua pusat pameran Proton seluruh negara dengan harga bermula RM76,338 bagi jenis Eksekutif dan RM79,638 jenis Premium.

Bekas Perdana Menteri itu juga berkata Proton Suprima S mampu menarik minat khususnya golongan muda yang dilihat lebih menggemari kereta berbentuk hatchback yang lebih 'sporty' berbanding sedan.

Pada majlis itu, Syed Hamid turut diumumkan sebagai pembeli pertama Proton Suprima S.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970615>